

# Lapan pelajar cemerlang UMS-KAL terima Anugerah Dekan

NSR 11/10/2012 5

LABUAN: Seramai lapan pelajar cemerlang Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dari Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menerima Anugerah Dekan Sekolah itu Semester 2 Sesi 2011/2012 di Dewan Utama, universiti itu, baru-baru ini.

Mereka ialah dua pelajar Tahun Satu program HC12 Teknologi Multimedia, Hairuni Habibu dan Mansour Hassani Abdalla yang mendapat PNGK 3.50 dan 3.65, tiga pelajar Tahun Dua, Agnesia Jori (3.22), Iblin Hurray Anak Jehien (3.17) dan Khoo Ka Chee (3.63) dan tiga lagi pelajar Tahun Tiga, Hong Gin Theng (3.45), Tang Woon Chee (3.33) dan Sphia Ling Kiang Yung (3.39).

Lima pelajar program E-Dagang HC13 turut menerima anugerah iaitu seorang pelajar Tahun Satu, Shamini A/P Ganasani (3.56), tiga pelajar Tahun Dua, Lim Shi Khi (3.34), Lim Yuh Chan (3.38) dan Chua Xin Yi (3.49) serta pelajar Tahun Tiga, Yap Shin Yi (3.17).

Majlis penyampaian sijil disampaikan oleh Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Dalam ucapannya, Dr Ag Asri berharap pelajar sekolah itu akan terus belajar dengan lebih bukan sahaja untuk mengekalkan prestasi mereka tetapi juga sebagai galakan kepada pelajar lain.



**CEMERLANG....Dr Ag Asri (tiga kiri) bersama pelajar cemerlang yang menerima Anugerah Dekan Sesi 2011/2012.**

Katanya, Anugerah Dekan adalah untuk memberi motivasi kepada semua pelajar SSIL untuk berjaya dengan cemerlang bukan sahaja dalam akademik malahan kerjaya selepas menamatkan pengajian kelak.

Turut hadir Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) SSIL, Ryan Macdonnel Andrias, Ketua Program E-Dagang, Sof-

fri Yussof dan Ketua Program Multimedia Teknologi, Laura Penny Jack serta pensyarah SSIL.

Selepas majlis itu, pensyarah selaku mentor menemui mentee (pelajar) untuk membincangkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi akademik mereka. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimeas.com.my)**